

18/04/2002

Khalil perjelas isu tender RTM

Roslen Fadzil

PENERBIT produksi tempatan diharap tidak tergesa-gesa membuat andaian bahawa sistem tender yang diperkenalkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) suatu usaha pincang atau tidak telus kerana tempoh perlaksanaannya masih terlalu baru.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata adalah tidak wajar mengatakan sistem tender itu gagal kerana semua pihak terbabit khususnya produser perlu menunggu sekurang-kurangnya setahun untuk melihat sama ada usaha itu berkesan atau sebaliknya.

"Tujuan RTM memperkenalkan sistem tender ini adalah untuk memberi pengagihan slot yang lebih adil kepada semua produser. Kita mahu pecahkan monopoli dalam sistem lama dan cuba memberi peluang kepada lebih banyak syarikat produksi untuk bertapak dan meneroka bidang penerbitan di Malaysia.

"Perlaksanaan sistem tender ini masih lagi terlalu baru, lebih kurang sebulan lepas sesudah tendernya dikeluarkan tidak lama dulu. Jadi tidak wajarlah penerbit merungut atau terus menganggap sistem tender ini tidak baik. Kita kena lihat dulu bagaimana hasilnya dan kemudian mengkaji segala kelemahan jika ada nanti," kata Khalil pada sidang media di Palais des Festival, di sini, kelmarin.

Khalil bersama delegasi Malaysia lain berada di Cannes sejak Isnin lalu bagi meninjau Pasaran Program Televisyen Antarabangsa 2002 (MIPTV 2002) anjuran Reed Midem yang menjadi pusat dagangan program televisyen terbesar dan paling berprestij di dunia.

Khalil berpendapat, sistem tender yang menawarkan waktu siaran berjumlah 2,800 jam setahun itu adalah paling adil pernah dijalankan setakat ini dan diuruskan secara profesional.

"Sistem tender ini mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan dan kita melaksanakan mengikut apa yang sudah dipersetujui. Ia bukanlah keputusan RTM semata-mata tetapi mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Asas tujuannya adalah ingin membantu semua produser dan tanggapan negatif terhadap sistem tender ini janganlah kita bangkitkan lagi pada peringkat ini lagi.

"Kita sedar banyak syarikat produksi kecil tumbuh di Malaysia dan mereka juga ingin menyertai bidang penerbitan. RTM ingin memberi peluang kepada mereka untuk sama-sama mendapat tempat sekali gus mewujudkan suasana persaingan yang sihat," jelasnya.

Sebelum ini isu tender berkenaan menjadi topik perbualan hangat di kalangan produser tempatan hingga mendapat liputan di akhbar tempatan sejak minggu lalu.

Ramai pihak terbabit mendakwa pembahagian kontrak menerusi tender berkenaan tidak adil kerana syarikat yang sudah lama beroperasi serta mempunyai reputasi penerbitan memuaskan tidak mendapat agihan tender yang mencukupi.

Malah, gara-gara tidak puas hati dengan isu berkenaan, Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) dilaporkan akan menghantar satu kertas cadangan serta memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menjelaskan kedudukan sebenar.

Di Cannes sendiri, rata-rata produser Malaysia yang mengurus niaga masih hebat membincangkan mengenai isu tender terbabit dan sedang memikirkan langkah yang sesuai untuk mencari jalan penyelesaian terbaik supaya tidak berdepan dengan sebarang masalah pada tahun depan.

( END )